



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**14 FEBRUARI 2017 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| - 40 peniaga bakal terima sagu hati | 40 |
|-------------------------------------|----|

**Berita Harian**

- |                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| - Ambulans sumber perniagaan         | 03 |
| - Didakwa bercuti bersama kontraktor | 17 |

**Utusan Malaysia**

- |  |    |
|--|----|
| - 'Cukup-cukuplah bina projek komersial' | 31 |
|--|----|

**New Straits Times**

- |                                    |    |
|------------------------------------|----|
| - Woman, daughter, grandson killed | 12 |
|------------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**14 FEBRUARI 2017 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	40 peniaga bakal terima sagu hati
Muka Surat	40

## 40 peniaga bakal terima sagu hati



ZURAINDA

AMPANG - Seramai 40 penyewa dan pemilik premis Pembangunan Luar Bandar (PLB) di hadapan Waterfront Ampang akan menerima sagu hati berikutnya mereka dirobohkan bagi memberi laluan projek pembangunan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Hulu Kelang (Suke) di kawasan itu.

Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin berbantah perkara itu dimaklumkan dalam hasil perbincangan pihaknya bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), peniaga dan pihak Suke.

"Pihak projek Suke akan

terlibat cari tapak bersesuaian untuk mereka," katanya.

Zuraida berkata, beliau difahamkan sebahagian peniaga memang tiada lesen, menjalankan perniagaan di atas tanah kerajaan dan rizab jalan.

"Sudah tiba masanya premis di kawasan itu dirobohkan untuk projek Suke," katanya.

Sebelum ini, kesemua peniaga itu telah menerima notis pengosongan tapak oleh Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat 19 Disember lalu untuk mengosongkan tapak dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis diedarkan.

berisagu hati kepada peniaga untuk bantu mereka sewa atau cari premis baru.

"Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat juga akan



Antara premis yang bakal dirobohkan bagi memberi laluan projek pembangunan Suke.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
14 FEBRUARI 2017 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	'Cukup-cukuplah bina projek komersial'
Muka Surat	31

Pemaju digesa fokus rumah mampu milik

## 'Cukup-cukuplah bina projek komersial'

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN  
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 FEB.

PEMAJU diminta tidak terlalu fokus kepada pembinaan projek komersial semata-mata sebaliknya membantu kerajaan membangun lebih banyak rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah di ibu kota.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, beliau tidak mahu kawasan settingan dan perumahan awam usang dibangunkan sebagai pusat komersial seperti yang berlaku di tapak Flat Pekeliling sebelum ini.

"Projek komersial di ibu kota sudah mencukupi dan perlu diimbangi penempatan penghuni berpendapatan rendah yang bekerja serta lahir di Kuala Lumpur.

"Kerajaan perlu memastikan tanah-tanah sedia ada seperti kawasan perumahan awam atau settingan dibangunkan semula rumah mampu milik dalam usaha mengambil kira kehendak golongan bawahan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada program Kenduri iWilayah Persekutuan Parlimen Titiwangsa di Taman Maluri sini.

Majlis perasmian majlis disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Yang turut hadir Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Seri Abdul Halim Abd. Samad dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md. Ihsan.

Dalam perkembangan sama, Johari yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa berkata, projek pembangunan semula Perumahan Awam (PA) Seri Perlis, Jalan Datuk Keramat di sini masih dalam peringkat perbincangan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mencari mekanisme pelaksanaannya.



"Pembangunan semula PA Seri Perlis sebagai perumahan mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah mendapat sokongan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagaimanapun, perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sedang dijalankan kerana tanah itu milik mereka.

"Saya juga sudah suarakan perkara yang sama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tengku Adnan bagi membangunkan semula perumahan itu bagi memenuhi keperluan golongan ini," katanya.

Sementara itu, Tengku Adnan berkata, program tersebut membolehkan pemimpin berjumpa dengan masyarakat bagi mendengar permasalahan di peringkat akar umbi.

"Saya bersama-sama agensi dan pegawai kerajaan turun padang untuk melihat apa yang perlu dilakukan bagi tujuan keselesaan dan kesejahteraan kepada warga kota," katanya.

PEMAJU perumahan perlu lebih bertanggungjawab dengan tidak terlalu mengejar keuntungan semata-mata sebaliknya membantu kerajaan membangun lebih banyak projek rumah mampu milik. -UTUSAN/FARID JANUDIN



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
14 FEBRUARI 2017 (SELASA)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Ambulans sumber perniagaan
Muka Surat	03

# Ambulans sumber perniagaan

BH 14/2/2017 m/s 3

➔ Bekas pembantu perubatan kecemasan tubuh Wide Medic

Oleh Nurul 'Aniqah Sazale  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengalaman 11 tahun bertugas sebagai pembantu perubatan ambulans Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) mendorong Shariman Mat Razi memulakan perkhidmatan ambulans kepada mereka yang memerlukan di sekitar Lembah Klang.

Beliau yang kini Pengarah Urusan Wide Medic Ambulance Service (Wide Medic), berkata ketika masih berkhidmat dengan PBSM, hanya ada PBSM dan St John Ambulans di sekitar Lembah Klang.

dan sepanjang tempoh itu juga perkhidmatan ambulans selalu tidak mencukupi.

"Bermula pada 2009, saya menubuhkan syarikat perkhidmatan ambulans tanpa sebuah ambulans pun, hanya menawarkan perkhidmatan pertolongan cemas.

"Pada tahun berikutnya, barulah saya mampu membeli sebuah ambulans," katanya ketika ditemui BH di pejabatnya di Ampang, di sini.

Mengakui meninggalkan kerjaya

dengan pendapatan tetap bukanlah sesuatu yang mudah, Shariman, 41, berkata beliau nekad demi mengejar impian berbakti kepada masyarakat dan negara meskipun terpaksa mengharungi

pelbagai cabaran.

#### Sukar raih keyakinan

Katanya, permulaan perkhidmatan ambulans sangat mencabar kerana sukar meraih keyakinan masyarakat dan agensi kesihatan kerajaan.

"Lapan bulan pertama, saya setiap hari hanya duduk di rumah kerana semua klinik kesihatan, sekolah dan pejabat yang saya pergi ragu-ragu dengan perkhidmatan ini."

"Bagaimanapun, kemuncak Wide Medic bermula dengan bantuan seorang rakan lama di PBSM dulunya menggil sia untuk membantu menyelia Hari Keluarga PROTOS," katanya sambil menambah Wide

Medic kini mempunyai enam kereta ambulans dan lapan pembantu perubatan.

Ditanya mengenai kos perjalanan, Shariman berkata, caj yang dikenakan sangat berpatutan, terutamanya jarak perjalanan, terlebih pada jarak perjalanan, berbanding syarikat ambulans persendirian yang selalunya akan meningkatkan caj tinggi.

"Saya sentiasa menasihati pekerja supaya mementingkan pesakit terlebih dahulu dan jangan berkira kerana nyawa pesakit lebih penting," katanya.

Shariman berkata, pengalamannya selama 20 tahun berkecimpung dalam bidang ini menjadikan kerja amal sebatи dengan jiwanya, selain mendapat

kepuasan tersendiri.

"Saya sudah pergi ke banyak negara, menolong mangsa bencana tanah runtuh, gempa bumi, banjir dan mangsa perang. Semua itu memberi kesan mendalam kepada saya untuk terus berkhidmat kepada masyarakat," katanya.

"Saya seronok dengan tugas ini dan banyak berdepan orang ramai. Saya bangga terbabit dalam bidang ini kerana pengalaman berkomunikasi dengan masyarakat luar mematangkan diri."

"Saya juga sedar bagaimana rasanya apabila ditimpa musibah. Oleh itu, saya harap perkhidmatan ini dapat membantu orang yang memerlukan," katanya.



Shariman bersama ambulans dan kakitangannya.

**BH PLUS**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
14 FEBRUARI 2017 (SELASA)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Didakwa bercuti bersama kontraktor
Muka Surat	17

## Didakwa bercuti bersama kontraktor

BH 14/2/2017 m/s 17

→ Bekas YDP majlis perbandaran ditahan SPRM dipercayai rasuah, salah guna kuasa

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bekas Yang Dipertua (YDP) sebuah majlis perbandaran ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, selepas diperdayai melakukan rasuah dan menyatah guna kuasa dalam tem-

poh September 2009 hingga Ogos tahun lalu.

Difahamkan, suspek bergelar Datuk dan berusia 63 tahun, terabit dengan salah laku itu dalam tempoh terbabit, ketika memegang jawatan pegawai daerah dan YDP.

Suspek ditahan di kediamannya di Seremban, Negeri Sembilan, kira-kira jam 11.30 pagi, semalam.

### 3 kontraktor ditahan

Sumber berkata, turut ditahan adalah tiga kontraktor yang dipercayai dianugerahkan beberapa projek membabitkan pejabat daerah dan Majlis Perbandaran di mana suspek pernah bertugas.

“Menurut maklumat awal, suspek dipercayai pernah bercuti bersama kontraktor berkenaan di luar negara pada September 2015.

“Malah, suspek turut dikatakan pernah memperoleh paket percutian merangkumi tajaan bermain golf di Medan, Indonesia oleh kon-

traktor terbabit.

“Kontraktor itu juga dikatakan memberikan kereta jenis Toyota Camry untuk kegunaan suspek,” kata sumber.

Kata sumber itu lagi, menurut bukti diperoleh, pembelian kendaraan itu tidak dibentangkan pada mesyuarat bajet dan perolehan.

Dua lagi kontraktor berusia 40 dan 49 ditahan di Negeri Sembilan pada jam 7.30 petang semalam.

“Semua ditahan akan dibawa ke Mahkamah Seremban hari ini untuk permohonan reman.

Sementara itu, Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani ketika dihubungi, mengesahkan penahanan itu dan berkata, SPRM sedang mengenal pasti beberapa orang lagi untuk membantu siasatan.

“Setakat ini SPRM sudah merampas dokumen daripada semua suspek yang dipercayai berkaitan dengan siasatan SPRM,” katanya.



[FOTO IHSAN SPRM]  
Suspek bergelar Datuk ditahan SPRM di Seremban, semalam untuk membantu siasatan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
14 FEBRUARI 2017 (SELASA)

Akhbar	New Straits Times
Tajuk Berita	Woman, daughter, grandson killed
Muka Surat	12

MURDER-CUM-SUICIDE ATTEMPT

NST 14/2/2017 m/s 12

# WOMAN, DAUGHTER, GRANDSON KILLED

Mentally-unsound husband found alive with throat slashed

FAISAL ASYRAF  
KUALA LUMPUR  
faisalasyraf@NST.com.my

**A** MYANMAR national is believed to have murdered his wife, daughter and grandson in a murder-cum-suicide attempt in Taman Lembah Maju here.

After the murders, the 47-year-old unemployed man, believed to be mentally unstable, had allegedly swallowed poison and attempted suicide by slashing his neck with a sharp object in the Ilpm incident on Sunday.

However, he survived and is being treated at Ampang Hospital.

Police found the victims sprawled on the floor in the master bedroom of the shophouse apartment.

Neighbour Maung Tang, 42, said the wife, known as Shing Char, 47, sustained a slash wound on the back of the head.

He said the girl, Maung Ai, 10, and grandson, Shing Kee, 3, suffered slash wounds on the neck.

"The man had received psychiatric treatment at Kuala Lumpur Hospital in 2014."

"But, he and his family were never a problem to neighbours. They have been staying at that apartment for more than five years and were fluent in Bahasa Malaysia."

Maung said police found a bottle of poison near the man, adding that the couple had three daughters in their 20s.

Zakaria Hariz Ahmad, 40, said he heard two of the daughters knocking on his door at night.


"They couldn't enter their house as the door was locked from the inside."

"They suspected something was amiss and sought help from a neighbour, who peeked under the door and noticed a pool of blood inside the house."

Zakaria said the suspect was an alcoholic.

"But, he was friendly with children and played with them in front of the building."

Ampang Jaya police chief Assistant Commissioner Hamzah Alias said someone had alerted police



The scene of a triple murder at a shophouse apartment in Taman Lembah Maju, Kuala Lumpur, yesterday. PIC COURTESY OF NST READER

about the incident at 11.50pm.

Police broke down the door and found an injured man in a semi-conscious state with the dead woman and two children. They were sent to Ampang Hospital."

At press time, police were investigating the incident.

Hamzah said police had detained the man to aid in investigations, but they had yet to establish the motive of the murder.